

Syor empangan jadi lokasi riadah perlu kajian teliti



Pensyarah Jabatan
Rekreasi dan
Ekopelancongan,
Fakulti Perhutanan
dan Alam Sekitar,
Universiti Putra
Malaysia (UPM)

Oleh Prof Madya Dr Siti Suriawati Isa
bhrencana@bh.com.my

Cadangan kawasan empangan tertentu dijadikan sebagai lokasi riadah memberikan berita menarik kepada pemain industri pelancongan di negara ini.

Realitinya, kawasan empangan di negara ini mempunyai potensi besar dalam bidang rekreasi dan pelancongan seperti Empangan Beris di Kedah, Empangan Timah Tasoh di Perlis dan Empangan Bakun di Sarawak.

Ketiga-tiga empangan ini bukan sahaja mempunyai pemandangan indah, malah mempunyai kekayaan biodiversiti di sekitarnya. Setiap empangan terbabit mempunyai tarikan tersendiri dan mempunyai akses mudah kepada pengunjung.

Contohnya, Empangan Bakun mempunyai saiz keluasan lebih besar daripada beberapa negara seperti Monaco dan Singapura. Ini satu fakta menarik yang sepatutnya digunakan ketika memasarkan Empangan Bakun sebagai destinasi pelancongan dan riadah terkenal di negara ini.

Walaupun ketiga-tiga empangan ini tidak mempunyai tarikan air terjun seperti di Niagara Fall, Kanada yang terletak berhampiran dengan The International Control Dam, masih banyak lagi keunikan terdapat di ketiga-tiga empangan berkenaan.

Antara aktiviti riadah boleh dilakukan di kawasan empangan adalah berkayak, menaiki bot dan memancing, selain banyak lagi aktiviti riadah

dan sukan air boleh diadakan di kawasan empangan.

Aktiviti riadah yang agak jarang dilakukan adalah mendayung sampan tanpa penggunaan enjin petrol, membela ikan atau udang dalam sangkar yang boleh dipancing pelawat, fotografi dan videografi. Aktiviti berskala besar pula adalah seperti taman tema air juga boleh dijalankan di kawasan empangan.

Bagaimanapun, dalam membuka kawasan empangan sebagai lokasi riadah dan aktiviti pelancongan lain, pemuliharaan alam sekitar patut diberikan keutamaan. Ini penting kerana air empangan akan dibekalkan kepada jutaan penduduk.

Ini kerana jika tidak digunakan dengan sebaiknya, ia boleh memudaratkan nyawa manusia da-



lam jumlah yang besar. Pemain industri pelancongan dan riadah jangan terlalu ghairah untuk memperkenalkan produk baharu tanpa kajian alam sekitar menyeluruh.

Walaupun potensi aktiviti riadah dan pelancongan dalam bidang ini adalah besar, malapetaka boleh berlaku juga besar.

Kerajaan perlu memikirkan pelbagai kaedah pengawalan ke atas empangan ini sebelum dibuka sebagai destinasi riadah dan aktiviti pelancongan.

Kita perlu belajar daripada apa berlaku di Empangan Batu di Selangor yang dahulu menjadi kawasan riadah sangat terkenal, tetapi sudah hampir tidak kedengaran lagi kini. Alam sekitar tidak dijaga baik akan memberikan kesan buruk kepada alam sekeliling.

Oleh itu, perlu ada mekanisme pengawalan empangan seperti memperkenalkan had daya tampung di tempat sensitif seperti kawasan empangan sebelum dibuka kepada orang ramai.

Pendekatan ini turut diguna pakai di destinasi pelancongan terkenal seperti Niagara Fall. Pada masa sama, perlu ada zon penampungan dengan pelancong tidak dibenarkan masuk sama sekali di kawasan sangat hampir dengan tadahan air bersih untuk digunakan penduduk.

Penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) boleh diguna pakai bagi mengawal keselamatan dan persekitaran kawasan empangan.

Kempen kesedaran kepada pengguna juga perlu sentiasa dijalankan supaya lebih bertanggungjawab apabila menggunakan kawasan empangan sebagai tempat beriadah.